

18 JUL 2000

Sukan-OCA (Mahathir)/I

MUWAFFAK TAK SANGKA DAPAT BERTEMU DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 18 Julai (Bernama) -- Dr Muwaffak Fawaz, anggota jawatankuasa penilaian Majlis Olimpik Asia (OCA) tidak dapat menyembunyikan kegembiraannya selepas berpeluang menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disifatkannya sebagai pemimpin agung Asia.

"Saya sungguh gembira dapat bertemu Dr Mahathir. Kita tahu beliau adalah pemimpin agung di Asia dan saya telah mengikuti ketokohnya sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada 1981," kata rakyat Jordan itu selepas menamatkan tugas menilai kemudahan sukan di sini hari ini.

Penilaian oleh jawatankuasa itu adalah berhubung tawaran Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sukan Asia tahun 2006. Mereka telah melawat Doha di Qatar dan New Delhi di India, dua lagi bandar yang juga membuat tawaran serupa dan akan ke Hong Kong esok, untuk tujuan yang sama.

Muwaffak berkata beliau tidak menjangka dapat berjumpa Dr Mahathir di sini walaupun beliau memang berharap dapat menemui Perdana Menteri suatu hari nanti.

Oleh itu, katanya, beliau amat terkejut apabila pegawai-pegawai Malaysia membawanya bersama tiga lagi anggota jawatankuasa itu menemui Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di sini.

"Pertemuan itu tidak ada dalam jadual kami. Jadi, saya amat gembira dapat bertemu pemimpin agung Asia ini," kata Muwaffak, yang juga pengerusi jawatankuasa sukan OCA.

Inilah pertama kali jawatankuasa itu berpeluang menemui seorang ketua kerajaan selepas lawatan serupa ke Doha dan New Delhi.

"Hasrat Dr Mahathir ialah untuk melihat Sukan Asia dilangsungkan di Kuala Lumpur, bukan untuk kepentingan sesiapa tetapi untuk generasi muda. Saya kagum dengan azam dan wawasan beliau untuk belia di negara ini," kata Muwaffak.

Delegasi itu diketuai oleh naib presiden OCA Muhammad Latif Butt. Dua lagi anggotanya ialah bendahari OCA Santiparb Tejavaniya dan pengurus hubungan antarabangsa majlis itu Vinod Tiwari.

Muwaffak berkata Dr Mahathir menunjukkan sokongan kuat kerajaan terhadap acara-acara sukan kerana Perdana Menteri berpendapat itu adalah satu daripada cara mengelak generasi muda terlibat dalam kegiatan tidak sihat.

"Kami pasti menyebut dalam perakuan kami tentang sokongan dan wawasan Dr Mahathir untuk Sukan Asia 2006," katanya.

Keputusan mengenai bandar raya yang berjaya menganjur Sukan Asia 2006 akan diumumkan di Pusan, Korea Selatan, pada 12 Nov.

-- BERNAMA

DC AHH MAI